

## GOL & GINCUCU VOL. 2 HADIR DI UNIVERSITI-UNIVERSITI TEMPATAN

KUALA LUMPUR, 4 Oktober 2018 - Berita tentang kehangatan filem Gol & Gincu Vol. 2 di media sosial berikutan pengumuman rasminya beberapa minggu lalu tidak berhenti di situ. Beberapa penampilan istimewa melalui program *Gol & Gincu Vol. 2 Day Out* di universiti-universiti tempatan akan memberikan lebih banyak pendedahan tentang kehadiran filem tersebut di pawagam seluruh negara bermula 25 Oktober 2018 nanti.

Tema persahabatan, kuasa wanita dan kehidupan di kolej yang ditonjolkan di dalam filem Gol & Gincu Vol. 2 ini menyasarkan penonton muda terutamanya pelajar-pelajar kolej kerana konsep berkenaan dirasakan lebih sinonim dengan kehidupan seharian mereka. Di samping itu, filem ini turut memaparkan penggunaan media sosial yang sudah sehati dengan kehidupan pelajar dan golongan milenial.

Umi Salwana Omar, pengarah Gol & Gincu Vol. 2 semasa tayangan pratonton berkata, "Media sosial memainkan peranan penting dalam kehidupan seharian. Elemen tersebut diterap dan diolah dengan baik dalam filem Gol & Gincu Vol. 2 dan kami hadir ke sini untuk menyaksikan reaksi para pelajar terhadap filem ini."

Acara *Gol & Gincu Vol. 2 Day Out* juga membuka ruang bagi pelajar untuk beramah mesra dengan bintang filem seperti Diana Danielle, Ummi Nazeera, Jad Hidzir, Annabel Michael dan Intan Serah serta penyanyi lagu tema rasmi, Kaka Azraff dan Aizat Amdan.

"Isu wanita sering kali tidak diendahkan. Walaupun pada luarannya kelihatan indah, namun setiap wanita mempunyai rasa ketidakyakinan diri dan mungkin mempunyai isu dan pada waktu sebeginilah kita harus berganding bahu dan maju bersama," kata penerbit filem, Lina Tan yang telah kempen digital *Gol & Gincu Vol. 2 #bukansemuaperempuan* pada acara itu.

Selepas membuat penampilan pertamanya di UiTM Shah Alam pada 4 Oktober 2018, *Gol & Gincu Vol. 2 Day Out* bakal menghantar pasukannya ke Multimedia Universiti Johor pada 11 Oktober 2018 sebelum kembali ke ibu negara untuk membuat kemunculan di HELP University pada 15 Oktober 2018 dan Universiti Malaya pada 24 Oktober 2018. *Gol & Gincu Vol. 2 Day Out* menamatkan program jelajah universiti di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang pada 26 Oktober 2018.

Selain sesi perkongsian bersama penerbit, pengarah, penulis lakonlayar dan barisan pelakon, tayangan pratonton 15 minit pertama filem dan persembahan lagu tema rasmi juga diadakan di *Gol & Gincu Vol. 2 Day Out*.

Beberapa pelajar bertuah yang hadir ke acara kemasukan percuma ini turut berpeluang untuk membawa pulang barangan eksklusif dari Zalora, Laura Mercier, dan Grab. Tapak jualan Pizza Hut dan Libresse juga tersedia di luar dewan tayangan untuk memenuhi keperluan pelajar.

Untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai Gol & Gincu Vol. 2, ikuti @GolGincu2 dan #GolGincu2 di laman Facebook, Instagram, dan Twitter atau kunjungi [www.golgincu2.com.my](http://www.golgincu2.com.my)

XXX XXX XXX

Untuk maklumat lanjut mengenai filem Gol & Gincu Vol. 2, sila hubungi:

Didie Samueil		+6019 7000170
Fumee		+6012 6465118

**MENGENAI RED FILMS SDN. BHD.**

Red Films adalah sebuah syarikat penerbitan filem terkemuka yang mendedikasikan penubuhan untuk mencipta, menghasil dan menyampaikan filem kepada khalayak seluruh dunia dengan tumpuan yang disasarkan kepada demografi Asia. Diasaskan oleh Lina Tan pada tahun 2004, Red Films memainkan peranan penting dalam menyokong gelombang baru penerbit filem Malaysia untuk terus bersinar di Festival Filem Antarabangsa, serta menetapkan piawaian baru dalam filem komersial untuk penonton arus perdana. Portfolio filem adalah termasuk Istanbul Aku Datang (Filem Komedi Terbaik - Anugerah dan Komedi Filem Antarabangsa Asean, Anugerah Komedi Malaysia 2013), Pisau Cukur (2009), Songlap (Best Film Malaysia Film Critics Award, Asean International Film Festival Awards, Shout Awards 2012), Kami Histeria (Pencalonan Pengarah Terbaik Festival Filem Malaysia 2015), Rembat (Pengarah Terbaik dan pencalonan filem 2015), Kami (Best Film Shout Awards, Best Screenplay Skrin Awards, Jury Awards Malaysian Film Awards 2009) dan Gol & Gincu (Filem Paling Popular @ Anugerah Filem Malaysia 2005).

Red Films adalah sebahagian daripada Red Communications iaitu sebuah syarikat penerbitan televisyen dan komersial yang telah menghasilkan program televisyen tempatan dan antarabangsa yang memenangi pelbagai anugerah sejak tahun 2000.

**MENGENAI SONNERATIA CAPITAL SDN. BHD.**

SONNERATIA CAPITAL adalah anak syarikat Rhizophora Ventures Sdn Bhd. Ia ditubuhkan untuk membiayai penerbitan filem tempatan oleh syarikat penerbitan Malaysia. Gol & Gincu Vol. 2 merupakan filem kedua yang dibiayai oleh Sonneratia Capital di bawah program pembiayaan ini.